

PENDIDIKAN KESIHATAN

UNIT 1; PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL(PEERS)

1.0 Kesihatan Diri dan Reproduksi - Amang Seksual dan Tingkahlaku Amang Seksual

1. Antara yang berikut,nyatakan BETUL atau SALAH mengenai maksud amang seksual

Serangan seksual yang berlaku secara fizikal atau bukan fizikal seperti melakukan apa-apa perbuatan lain yang melibatkan kontak fizikal dengan seseorang kanak-kanak walaupun tanpa persetujuan

Keadaan individu yang sihat fizikal, mental dan sosial serta bebas daripada penyakit yang berkaitan dengan sistem reproduktif

2. Tandakan BETUL atau SALAH contoh tingkah laku amang seksual.

Kata-kata gurauan, usikan, bunyian dan soalan yang berbentuk cadangan seksual.

Pandangan atau kerlingan yang mempunyai niat atau keinginan, menjilat bibir, memegang atau memakan makanan dengan cara menggoda atau bahasa isyarat yang membayangkan perlakuan seks.

3. Berikut merupakan cara kemahiran berkata TIDAK kepada tingkah laku amang seksual iaitu

- A. Sentiasa berada di tempat yang tertutup serta dapat dilihat oleh orang lain
B. Jauhkan diri jika mengesyaki sesuatu yang tidak baik akan berlaku
C. Menerima pelawaan untuk berdua-duaan

4. Nyatakan BETUL atau SALAH tentang meramalkan kesan kepada mangsa dan pemangsa sekiranya kes amang seksual tidak ditangani.

Mangsa gangguan seksual akan berasa malu untuk bergaul dengan masyarakat kerana berasa rendah diri dan tidak layak untuk bersama mereka.

Pemangsa akan terus membina kerjaya dan mempunyai masa depan yang cerah



Latihan Pengukuhan

- 1 Nyatakan tiga cara penggunaan telefon pintar boleh menjadikan seseorang individu itu bertanggungjawab untuk menangani masalah amang seksual.

a

b

c

- 2 Seorang rakan karib anda mengadu tentang kejadian amang seksual yang telah berlaku terhadapnya. Nyatakan tiga cara yang boleh diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

a

b

c